



Ruj. Tuan :

Ruj.Kami : SFS/00021/SFS-Circulars(B)(42)

Tarikh : 26 MAY 2014

Kepada: Sila lihat agihan

YBhg. Datuk/Datu/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK NO 1/2014
PENYEDIAAN ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2015

1. **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan dan memberi panduan kepada Pegawai Pengawal berhubung penyediaan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2015.

2. **LATARBELAKANG**

2.1 Surat Pekeliling No. 1 Tahun 2013: *Guidelines on the Preparation and Submission of Revenue and Expenditure Estimates, 2014-2015* bertarikh 13 Jun 2013 yang dikeluarkan oleh pejabat ini juga ada kaitan.

2.2 Pekeliling No. 1 Tahun 2013 di atas telah menggariskan panduan tentang penyediaan dan pengemukaan Cadangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 2014-2015. Walaupun Anggaran Hasil dan Perbelanjaan 2014 dan 2015 telah dikemukakan, hanya Cadangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan tahun 2014 sahaja telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan seterusnya diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) pada November tahun 2013. Anggaran Hasil dan Perbelanjaan tahun 2015 akan diperiksa pada tahun ini sebelum dibentangkan untuk pertimbangan MMKN dan kelulusan DUN pada akhir tahun 2014.

2.3 Memandangkan Cadangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 2015 telah dikemukakan melalui *New Budgeting System* (NBS) di bawah *State Integrated Financial, Budgeting and Accounting System* (SIFBAS) V.2 pada tahun 2013, semua Kementerian dan Jabatan dikehendaki mengemaskini data-data dan maklumat yang telah dikemukakan, membuat pindaan atau perubahan jika ada, dan mengemukakan Cadangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan semula secara *on-line* sebelum atau pada 7 Julai 2014. Sila lihat **jadual** di **Lampiran B**.